

15/05/1999

Pakatan pembangkang hanya sementara: PM

Muhd Yusuf Abu Bakar

RANAU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat jangan terpedaya dengan kerjasama Pas dan DAP kerana pakatan parti pembangkang itu hanya bersifat sementara menjelang pilihan raya dan tidak mungkin berhasil.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Barisan Nasional (BN) yang menggabungkan parti mewakili semua kaum, mengamalkan kerjasama berterusan dan ikhlas.

"Kerjasama Pas-DAP kerana kepentingan politik dan pilihan raya. Dekat pilihan raya baru teringat kerjasama... nak cari kemenangan dalam pilihan raya. Tapi kerjasama BN bukan terhadap pada masa pilihan raya saja, kita kerjasama sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir berkata, konsep kerjasama BN membolehkannya memenangi pilihan raya dan membangunkan negara hingga mendorong parti pembangkang untuk menirunya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri membidas Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, kerana mengakui parti itu sedia bekerjasama dengan sesiapa saja, termasuk syaitan, untuk menghadapi pilihan raya.

"Kalaupun nak tiru BN, jangan sampai kepada tahap bekerjasama dengan syaitan. Ini ditegah oleh agama Islam.

"Umno bekerjasama dengan orang Kadazan, Cina dan India kerana mereka bukan syaitan, sebaliknya rakyat yang mempunyai hak yang sama," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama rakyat di Dewan Masyarakat di sini, hari ini.

Kira-kira 5,000 penduduk Ranau menghadiri majlis itu. Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam; Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ranau, Datuk Siringan Gubat.

Perdana Menteri mengadakan lawatan ke sini bagi memenuhi janjinya untuk melawat Ranau ketika kempen pilihan raya negeri lalu, yang terpaksa dibatalkan akibat cuaca buruk.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat mengenai pentingnya membuat pilihan yang tepat dan bijak dalam pilihan raya akan datang.

"Bukan saya nak kempen pilihan raya terlalu awal, tapi hanya memperingati kita semua bahawa sama ada kita hidup mewah atau tidak, bergantung kepada pilihan kita.

"Kalau kita salah memilih parti, kitalah yang akan menderita. Sebaliknya, kalau pilih parti berwibawa seperti BN, maka kita akan dapat banyak nikmat daripadanya," katanya.

Menurut Dr Mahathir, BN berpegang pada konsep keadilan untuk semua tanpa menafikan hak kaum minoriti.

"Kita tidak suka rakyat berpuak-puak dan mengagungkan puak kita saja, sebaliknya kita harus bekerjasama antara satu kaum dengan kaum lain dan ini boleh dijalin secara berkesan menerusi BN.

"Dalam Kabinet Persekutuan dan negeri, semua kaum diwakili. Ini menunjukkan kita tidak lupa semua kaum di negara ini. Kita tak nak satu kaum memonopoli, mengambil segalanya untuk dirinya saja," katanya.

Mengenai pembangunan Ranau, Dr Mahathir berkata, beliau akan menghantar pegawai Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri ke sini bagi meninjau apa yang boleh dilaksanakan untuk membangunkan daerah ini.

Dr Mahathir, perancangan dan penelitian perlu dilakukan terlebih dahulu kerana kerajaan mempunyai wang terhad dan pembangunan pula perlu dilaksanakan secara menyeluruh.

Sambil mengakui masih banyak yang boleh dilakukan untuk Ranau, beliau bagaimanapun berkata, pembangunan harus dilaksanakan secara berperingkat dan tidak boleh dilakukan sekelip mata.

Katanya, sektor swasta juga akan digalakkan untuk mengenal pasti bidang pembangunan yang boleh disertai.

"Kita tak janji bangunkan Ranau serta-merta, tapi kita akan berusaha sedaya upaya untuk memajukan kawasan ini dan berbakti kepada rakyat yang memberi sokongan kepada BN," katanya.

Pada pilihan raya negeri 12 dan 13 Mac lalu, BN yang diwakili calonnya Datuk Siringan Gubat, memenangi kawasan Ranau dengan majoriti 1,227.

Sempena lawatan ke sini, Dr Mahathir menerima wakid yang penuh dengan pelbagai sayur tanah tinggi Kundasang daripada bekas menteri Persekutuan, Datuk Ghani Gilong. Kasitah pula menyampaikan cenderamata batu bentuk Gunung Kinabalu kepada Perdana Menteri.

(END)